

24 SEP 1998

NUBE-MAHATHIR

NUBE BERDIRI TEGUH DI BELAKANG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) hari ini menyatakan sokongan penuhnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan langkah-langkah pengawalan tukaran asing dan modal kerajaan.

Kesatuan yang mempunyai 30,000 ahli, menyatakan bahawa hasil dari langkah-langkah yang diambil, kadar faedah telah menurun, kegiatan ekonomi meningkat dan paras harga kini stabil.

Apa yang lebih penting, katanya dalam kenyataannya di sini, spekulasi matawang dapat dihentikan.

"NUBE dan Malaysia akan terus menyokong Perdana menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad. Kini terdapat harapan yang krisis ini dapat ditangani dengan penawar Dr Mahathir. Mengambil penawar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) adalah sama dengan menelan racun," demikian Setiausaha Agung NUBE K. Sanmugam dipetik sebagai berkata dalam satu kenyataan.

"Dari pengalaman, kami yakin Dr Mahathir akan memimpin kita keluar dari krisis ini. Setiap orang mesti sokong langkah-langkah pengawalan modal. Tentunya, bagi seseorang pemimpin itu berjaya, beliau harus tegas, berkesan dan kuat," tambahnya.

Kesatuan itu juga mengecam media asing kerana asyik menghentam Malaysia kerana tidak menerima pakai dasar-dasar IMF.

"Media asing ini dilihat mahu Malaysia mengalami krisis ekonomi dan sosial seperti yang dialami Indonesia. Oleh itu, apabila langkah bukan orthodox dibuat, media asing amat kecewa."

IMF sendiri mengakui bahawa penawarnya tidak berkesan. Program-programnya direka khas untuk menyelamatkan pelabur-pelabur antarabangsa yang cuai di mana kegiatan merekah yang menyumbang kepada krisis kewangan ini.

"Dasar-dasar IMF tidak ambil kisah dasar-dasar sosial seperti penghapusan kemiskinan atau pengagihan kekayaan," tambah kesatuan itu.

-- BERNAMA

SHO JR MA